



Dengar dan berikan respons.

Kunci yang Jujur

Pada suatu malam, Kunci ternampak suatu kejadian jenayah. Perbuatan itu dilakukan oleh kawan-kawannya.

Aku perlu melaporkan kejadian ini kepada pihak polis.



Di balai polis, Sarjan Pensel mengambil keterangan daripada Kunci.

Pihak polis akan menyiasat laporan kamu secara terperinci.



Kunci meminta pihak polis melakukan siasatan dengan segeranya. Dia mahu penjenayah itu ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.

Kami memerlukan bukti yang kukuh untuk memudahkan siasatan kami.



Sarjan Pensel meminta Kunci untuk membantu pihak polis bagi menjejaki penjenayah itu.

Kami juga memerlukan bantuan kamu untuk mengesan penjenayah itu.



Sarjan Pensel memberikan jaminan bahawa kes itu akan dapat diselesaikan.

Jika maklumat kamu benar, penjenayah itu akan ditangkap secepat mungkin.

